

25 DEC 1996

DUTA: ABDULLAH DIUTUS KHAS KE PERU

KUALA LUMPUR, 25 Dis (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi berlepas ke Lima, Peru pagi ini bagi meningkatkan usaha memastikan pembebasan Duta Malaysia Ahmad Mokhtar Selat yang masih menjadi tebusan segerombolan gerila di kediaman Duta Jepun di sana.

Menurut satu kenyataan Wisma Putra di sini hari ini Abdullah berlepas dalam satu misi khas arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Usaha sedang dibuat bagi Datuk Abdullah menemui Presiden Peru Alberto Fujimori dan Menteri-menteri Peru lain untuk berbincang mengenai krisis tebusan itu terutama meningkatkan usaha memastikan pembebasan lebih awal Duta Ahmad Mokhtar.

"Kerajaan Malaysia mengulangi kebimbangannya mengenai keselamatan dan keadaan Duta Ahmad Mokhtar serta keazamannya untuk berusaha sedaya upaya bagi memastikan pembebasannya segera," menurut kenyataan itu.

Ahmad Mokhtar merupakan antara beratus-ratus tetamu yang dijadikan tebusan oleh Pergerakan Revolusi Tupac Amaru (MRTA) pada satu majlis meraikan ulangtahun Maharaja Jepun di kediaman duta negara itu pada 17 Dis.

Pemberontak itu telah membebaskan 200 tebusan pada hari yang sama diikuti 39 keesokan harinya dan 225 pada Isnin serta seorang semalam.

Duta Malaysia ke Brazil Datuk Zainal Abidin Zain yang kini mengambil alih tanggungjawab di kedutaan Peru, ketika dihubungi di Lima hari ini berkata masih terdapat 105 orang yang ditahan pemberontak berkenaan. --

BERNAMA

AFY RON